



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
SELASA 28 JULAI 2020**

| BIL | TAJUK KERATAN AKHBAR | KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI |
|----------------------|--|---|
| 1. 2. | RONALD KIANDÉE PROPOSE TO AMEND PARTY CONSTITUTION, NATION, CHINA PRESS -A9 UBAH TANGGAPAN ORANG MUDA TENTANG SEKTOR 3D, DEWAN RAKYAT, HM -11 | KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN (MAFI) |
| 3. 4. 5. 6. | KERAJAAN NEGERI LAKSANA SYARAT SEMBELIHAN, NASIONAL, BH -3 KORBAN: TIDAK LEBIH 10 EKOR, DALAM NEGERI, UM -3 KERAJAAN SEMAK SEMULA SOP KORBAN AIDILADHA, NASIONAL, BH -3 STRICT LIMIT ON 'KORBAN' ACTIVITIES, VISITORS, NEWS, NST -3 | JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (JPV) |
| 7. 8. | PADAH TUNDA BOT DI LUAR KAWASAN, DALAM NEGERI, UM -29 DEMAND FOR MARINE TOURISM ON THE RISE, HOME, BORNEO POST (KK) -5 | JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF) |
| 9. 10. | BERAS TEKNOLOGI NUKLEAR, GAYA TANI, UM -24 PENGHASILAN VARIETI PADI BARU UNTUK NEGARA, GAYA TANI, UM -25 | BAHAGIAN INDUSTRI PADI DAN BERAS (IPB) |
| 11. 12. | 288 TAN DURIAN DIEKSPORT KETIKA PKP, NEGARA, KOSMO -16 AKUAPONIK TINGKAT HASIL IKAN, DALAM NEGERI, UM -42 | LAIN-LAIN |

UKKMOA

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MOA, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

| | | | |
|------------|---|-------------|---------------------|
| Headline | Ronald Kiandee proposes to amend party constitution | | |
| MediaTitle | China Press | | |
| Date | 28 Jul 2020 | Color | Full Color |
| Section | Nation | Circulation | 127,822 |
| Page No | A9 | Readership | 383,466 |
| Language | Chinese | ArticleSize | 124 cm ² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 2,446 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 7,338 |



■ 罗南建迪

允設更多土團黨支部 羅南建迪建議修黨章

(吉隆坡27日讯)土团党沙巴州秘书拿督斯里罗南建迪建议该党修改党章，以允许党成立更多支部。

他强调，土团党有必要修改党章，以便设立支部就不再是根据每个国会选区的投票中心数量为基础。

罗南建迪发文告指出，根据投票中心数量来设党支部，这会导致党支部数量受限。

他举例，若以甘榜的数量来决定支部数量，将让更多人有机会成为党员。

他说，此举也符合当前局势发展。

根据土团党党章第11.2条，每个投票中心只能设立一个支部。

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|-----------|--------------|--------------|------------|
| 28/7/2020 | HARIAN METRO | DEWAN RAKYAT | 11 |

Ubah tanggapan orang muda tentang sektor 3D

Kuala Lumpur: Pertanian bukan bidang 3D seperti dianggap belia, tetapi sektor yang mengayakan ekonomi negara, kata **Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Che Abdullah Mat Nawi**.

Katanya, 3D merujuk kepada *difficult* (sukar), *dirty* (kotor) dan *dangerous* (bahaya) menjadi tanggapan yang menjauhkan belia daripada bidang pertanian.

"Banyak yang kerajaan lakukan untuk bantu menggalakkan belia terbabit pertanian, cuma tinggal pertanian ini disebut mereka sebagai 3D.

"Ini cabarannya yang perlu diubah, corak pemikiran mereka sendiri bahawa pertanian ini memberi sumber kekayaan kepada negara," katanya pada sesi pertanyaan bagi jawab lisan di Dewan Rakyat, semalam.

Che Abdullah menjawab soalan tambahan **Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail (PH-Kulim Bandar Baharu)** mengenai minat belia terhadap pertanian dan membangunkan tanah yang terbiar.

Menjawab lanjut katanya, kerajaan sentiasa sedia membantu sebaik mungkin belia untuk membangunkan



Banyak yang kerajaan lakukan untuk bantu menggalakkan belia terbabit pertanian, cuma tinggal pertanian ini disebut mereka sebagai 3D"

Che Abdullah

tanah terbiar namun, ia ter-takluk pentadbiran kerajaan negeri.

"Isu tanah ini isu negeri, tapi kementerian bersedia membantu sebaik mungkin," katanya yang memberitahu keseriusan kerajaan menggalakkan keterlibatan belia dalam pertanian dan industri pembuatan makanan bermula dengan program Agropreneur Muda yang diperkenalkan di bawah Rancangan Malaysia Ke-11.

Program lain termasuk Mobiliti Tenaga Kerja dalam Sektor Agromakanan @ MyFutureAgro dengan peruntukan RM40 juta diluluskan di bawah Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (Penjana) bagi 2020 hingga 2021.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|-----------|---------------|----------|------------|
| 28/7/2020 | BERITA HARIAN | NASIONAL | 3 |

Kerajaan negeri laksana syarat sembelihan

Kuala Lumpur: Kerajaan negeri semalam, turut menerima dan melaksanakan semakan semula prosedur operasi standard (SOP) ibadah korban sempena Aidiladha tahun ini seperti diputuskan Mesyuarat Khas Menteri-Menteri Mengenai Pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan.

Walaupun membenarkan sembelihan korban dibuat di kawasan masjid dan surau, kerajaan negeri juga menggalakkan agar urusan itu diselesaikan di pusat sembelihan Jabatan Perkhidmatan Veterinar atau rumah sembelihan ruminan swasta.

Menteri Besar Negeri Sembilan, Datuk Seri Aminuddin Harun, berkata kerajaan negeri itu menetapkan hanya 50 petugas dibenarkan hadir bagi urusan penyembelihan 10 ekor haiwan korban pada Aidiladha tahun ini.

Katanya, pengurusan masjid dan surau perlu melihat kesesuaian kawasan untuk mengadakan penyembelihan binatang korban berkenaan.

Pengerusi Jawatankuasa Agama, Pendidikan dan Sumber Manusia Kedah, Datuk Najmi Ahmad, berkata SOP yang diputuskan Kerajaan Pusat itu bukan sahaja perlu dipatuhi pengurusan korban, tetapi juga individu menyertai ibadah itu.

"Dari segi hukum memang sunat menyaksikan waktu penyembelihan, namun dalam keadaan ketika ini, memadai hanya seorang wakil hadir ke lokasi.

"Dia menjadi (wakil) urus dan bawa balik daging sembelihan ke rumah untuk diagihkan, itu adalah lebih baik," katanya.

Pesuruhjaya Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu (JHEAT), Mat Azmi Arshad, berkata setakat ini tiada masjid dan surau di negeri itu memohon melakukan korban melebihi 10 ekor ternakan.

Beliau berkata, mereka yang menyertai ibadah korban juga tidak dibenarkan berhimpun di tapak penyembelihan untuk menunggu pengagihan daging korban.

"Hanya tujuh orang, iaitu mereka yang mengambil bahagian dalam ibadah korban dibenarkan berada di kawasan korban.

"JHEAT mengarahkan jawatankuasa masjid dan surau serta penganjur melantik penyembelih, selain petugas untuk melaksanakan kerja melapah haiwan korban," katanya.

Sementara itu, Pengurusan 10 masjid di Wilayah Persekutuan pula akan menggunakan sangkar hidraulik untuk melaksanakan ibadah korban sempena Aidiladha, mulai Jumaat ini.

28/7/2020

UTUSAN

DALAM

3

MALAYSIA

NEGERI

Korban: Tidak lebih 10 ekor

Oleh **AZMAN IBRAHIM**
azman.ibrahim@mediamulla.com.my

PUTRAJAYA: Kerajaan menatapkan pelaksanaan ibadah korban sempena Hari Raya Aidiladha tahun ini tidak melebihi 10 ekor haiwan bagi masjid dan surau di lokasi yang dibenarkan pejabat agama daerah dan pihak berkuasa tempatan (PBT).

Keputusan itu dibuat setelah kerajaan menyemak semula prosedur operasi standard (SOP) Hari Raya Aidiladha dan ibadah korban dengan mengambil kira risiko penularan semula jangkitan Covid-19.

Menteri Kanan (Keselamatan), Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata, had yang ditetapkan itu juga tertakluk kepada keluasan lokasi korban.

"Bagaimanapun, kerajaan menggalakkan ibadah korban dilakukan di pusat penyembelihan di bawah jabatan perkhidmatan veterinar iaitu sebanyak 28 buah. Di bawah jabatan swasta pula terdapat 31 buah pusat penyembelihan yang dilesenkan.

"Jumlah kehadiran sewaktu ibadah korban adalah 20 orang untuk setiap ekor haiwan. Jumlah makan di tapak korban



Jumlah kehadiran sewaktu ibadah korban adalah 20 orang untuk setiap ekor haiwan. Jamuan makan di tapak korban tidak dibenarkan kecuali makanan dibungkus."

ISMAIL SABRI YAAKOB



tidak dibenarkan kecuali makanan dibungkus," katanya dalam laporan harian perkembangan Covid-19 di sini semalam.

Ismail Sabri berkata, pihak berkuasa akan menyemak semula dari segi pemantauan semua lokasi penyembelihan termasuk masjid, surau dan kawasan di bawah PBT.

Katanya, waktu ibadah korban di masjid dan surau hanya boleh diadakan selama empat hari termasuk hari pertama

Hari Raya Aidiladha, selepas solat sunat Aidiladha dan tiga hari Tasyrik.

"Bagaimanapun, mengambill kira Hari Raya Aidiladha jatuh pada Jumaat, ibadah korban digalakkan dilakukan pada hari kedua dan dua hari Tasyrik.

"Bagi jamuan di rumah, tidak boleh melebihi 20 orang pada satu-satu masa. Individu yang masih dalam proses kuarantin sendiri dilarang sama sekali keluar rumah, apatah

lagi pulang ke kampung ataupun menunaikan solat sunat Aidiladha. Malah tidak boleh menerima tetamu," ujarnya.

Tegas Ismail Sabri, orang ramai diminta melaporkan kepada polis jika ada individu memakai gelang tangan (wristband) kuarantin melanggar peraturan yang ditetapkan.

"SOP ini adalah untuk Wilayah Persekutuan dan boleh diguna pakai oleh majlis agama negeri-negeri sebagai rujukan," tegasnya.

28/7/2020

BERITA
HARIAN

NASIONAL

2

Pemulihan COVID-19

Kerajaan semak semula SOP korban, Aidiladha

Jumlah tetamu tak lebih 20, individu kena kuarantin dilarang keluar

Oleh Zanariah Abd Mutalib
zanariah_mutalib@bh.com.my

Kuala Lumpur: Kerajaan menyemak semula prosedur operasi standard (SOP) sambutan Aidiladha dan ibadat korban tahun ini, dengan mengetahui jumlah tetamu diterima, bilangan haiwan korban dan peserta yang hadir di tempat korban.

Menyuarat Kanan (Keselamatan), Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob, berkata jumlah tetamu yang berkunjung ke rumah menghadiri jamuan sempena Aidiladha tidak dibenarkan melebihi 20 orang pada satu-satu masa.

Beliau berkata, individu yang masih dalam proses kuarantin rumah, dilarang sama sekali keluar dari rumah atau pulang ke kampung.

"Mereka juga dilarang menunaikan solat sunat Aidiladha, malah tidak boleh menerima tetamu di rumah mereka.

"Jika individu memakai gelang kuarantin melanggar peraturan yang ditetapkan, orang ramai diminta segera melaporkan kepada polis," katanya pada sidang media selepas Menyuarat Khas Menteri-Menteri Mengenal Pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan di sini, semalam.

Bagi ibadat korban, Ismail Sa-



Ismail Sabri pada sidang media selepas Menyuarat Khas Menteri-Menteri Mengenal Pelaksanaan PKP di Kuala Lumpur, semalam. (FOTO BERKUALITI)

abri berkata, jumlah ternakan disembelih tidak boleh melebihi 10 ekor sehari di masjid dan surau, termasuk lokasi korban yang dibenarkan Pejabat Agama Daerah dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).

"Jumlah itu tertakluk kepada keluasan lokasi korban. Jika luas kawasan itu boleh memuatkan sehingga 10 ekor, maka boleh sampai 10 ekor. Jika enau ekor, maka enamah.

"Selain itu, jumlah kehadiran ketika ibadat korban adalah mengikut nisbah 20 orang untuk setiap haiwan. Jamuan makan di tapak korban tidak dibenarkan kecuali makanan dibungkus," katanya.

Ismail Sabri berkata, ibadat korban di masjid dan surau, halanya boleh diadakan selama empat hari termasuk hari pertama Aidiladha, iaitu selepas solat sunat Aidiladha dan tiga hari Ta-

SOP sambutan Aidiladha, ibadat korban

- » Sembelihan korban tak lebih 10 ternakan, tertakluk keluasan lokasi
- » Hanya 20 individu dibenarkan hadir menyembelih dan agih haiwan korban
- » Jamuan atan kenduri tidak dibenarkan, kecuali makanan dibungkus
- » Digalakkan menyembelih korban pada tiga hari Tasrytik
- » Digalakkan menyembelih korban di pusat sembelihan swasta atau milik jabatan Perkhidmatan Veterinar
- » Jamuan Aidiladha di rumah tidak boleh melebihi 20 individu pada satu-satu masa
- » Individu dalam kuarantin dilarang pulang ke kampung, bersolat di masjid atau menerima tetamu

Ketika menjelaskan bahawa tiada sebarang sekatan perjalanan rentas sempadan di kawasan menjelang Aidiladha ini, Ismail Sabri menasihati orang ramai sentiasa mematuhi SOP ketika meraiakan sambutan itu.

"Tidak ada sekatan perjalanan, sebab itu saya kata masih boleh balik kampung, cuma peruhi SOP. Walaupun dibenarkan, kita kena jaga diri kita," katanya.

Strict limit on 'korban' activities, visitors

KUALA LUMPUR: The government is limiting the number of animals that can be slaughtered and participants present during "korban", as well as visitors allowed to a home for this year's Hari Raya Aidiladha celebration.

Senior Minister (Security Cluster) Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob said the government had reviewed the standard operating procedure (SOP) for the celebration and "korban" after taking into account the possible spread of Covid-19.

"We have decided that not more than 10 animals can be slaughtered at each mosque and surau, including at locations allowed by the district religious office and the local authorities.

"Only 20 participants to one animal will be allowed to be present. Those present must be served with only pre-packed food.

"The limit imposed depends on the size of the venue. If it is spacious, there can be 10 animals and if it can only take a maximum of six, then that is the limit.

"However, we encourage slaughtering to be carried out at 28 Veterinary Services Depart-



A family keeps to a small gathering to comply with the authorities' Hari Raya Aidilfitri guidelines. The government is introducing similar guidelines for Hari Raya Aidiladha, which allow for a maximum of 20 people at a home at any one time during visits this year. FILE PIC

ments and 31 private licensed slaughterhouses nationwide," he said.

He said police would also be deployed to mosques and surau to monitor "korban" activities and ensure people's compliance with the SOP. The SOP, he added, applied to the Federal Territory and could be a reference for state religious councils.

Ismail Sabri, who is senior defence minister, said this during a press conference at Parliament.

"Korban" at mosques and surau could only be held for four days — on the first day after the Aidiladha prayers and the following three days of Tashreeq.

He said there must not be more than 20 people at home at any one time during Hari Raya visits.

He also warned People Under Surveillance (PUS) not to leave their homes to celebrate Hari Raya Aidiladha.

"Those undergoing the mandatory home quarantine are barred

from leaving their homes, going back to their hometowns or performing Hari Raya Aidiladha prayers. They cannot receive guests at their homes, too.

He also shot down speculation that the government would impose an interstate travel ban due to the rise of Covid-19 positive cases in the country.

He said the people were free to travel despite the presence of roadblocks, manned by the police and the armed forces, on major highways.

"There are no travel restrictions between states or zones. The government will allow people to balik kampung.

"But they must follow the SOP. We have to practise social distancing, hand-washing and using sanitisers as well as wearing face masks.

"People have the freedom to balik kampung. The permission is given provided that we take care of our health and safety."

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|-----------|--------------------|-----------------|------------|
| 28/7/2020 | UTUSAN MALAYSIA | DALAM NEGERI | 29 |

Padah tunda bot di luar kawasan

PELABUHAN KLANG: Tindakan tiga individu menunda bot di luar kawasan dibenarkan membawa padah apabila mereka ditahan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (Maritim Malaysia), di sini Sabtu lalu.

Pengarah Maritim negeri, Kepten Mohammad Rosli Kassim berkata, tiga nelayan tempatan itu ditahan di kedudukan 0.5 batu nautika dari Pelabuhan Utara, kira-kira pukul 12.20 tengah malam.

“Kesemua mereka yang ditahan berusia dalam lingkungan 30 tahun hingga 52 tahun disiasat di bawah Akta Perikanan 1985 kerana melanggar syarat sah lesen,” katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.

Mohammad Rosli berkata, dalam operasi berasingan, anggotanya menahan seorang tekong di kedudukan 0.2 batu nautika dari timur Pulau Che Mat Zin, kira-kira pukul 7.10 malam.

Katanya, lelaki berusia 59 tahun itu ditahan bersama bot penumpang disyaki melakukan kesalahan di bawah Ordinan Perkapalan Saudagar (Pindaan dan Perluasan 11) kerana tidak memiliki sijil kelayakan membawa vesel.

| | | | |
|------------|---------------------------------------|-------------|---------------------|
| Headline | Demand for marine tourism on the rise | | |
| MediaTitle | Borneo Post (KK) | | |
| Date | 28 Jul 2020 | Color | Black/white |
| Section | Home | Circulation | 18,290 |
| Page No | 5 | Readership | 54,870 |
| Language | English | ArticleSize | 116 cm ² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 323 |
| Frequency | Daily (EM) | PR Value | RM 970 |



Demand for marine tourism on the rise

GEORGE TOWN: There is an increasing demand for marine tourism among Malaysians, especially in the post-Movement Control Order (MCO) due to the spread of Covid-19.

Tourism Malaysia Northern Region director Ahmad Husni Ahmad Basri said together with the Tourism, Arts and Culture Ministry (Motac) and the Fisheries Department they were now actively organising various programmes and courses to convey information on marine tourism to tour guides and tourism agencies in Malaysia.

"Malaysia has many destinations for diving and snorkelling and the demand is increasing especially after interstate travel was allowed," he told Bernama.

He was met at the 'Tourism Knowledge Enhancement programme titled 'Symbiosis Between Tourism and Marine Environment' organised by Zou Divers School and Northern Dive Shop which was attended by Motac and TMWU officials,

local travel agencies, tour guides and industry players in the same sector. The programme was held to explain the conditions and laws of marine tourism in Malaysia, convey information on marine tourism destinations, share methods and accessibility to these destinations as well as explaining the latest conditions to be complied with during the implementation of the Recovery Movement Control Order (RMCO).

Ahmad Husni said Pulau Songsong located in Yan district, Kedah has been identified as a marine tourism destination, especially for underwater activities that should be given attention due to the richness of coral reefs and marine life in the area.

Meanwhile, the organiser of the programme and scuba diving coach at Zou Divers, Zulhairie Zulkiflee said he got the idea to hold the programme to sensitise industry players to adhere to standard operating procedures (SOP) when taking tourists on vacation.

Oleh LAUPA JUNUS

laupa.junus@media.mula.com.my

INDUSTRI padi dan beras tempatan sejak dahulu amat penting. Ia bukan sekadar sumber makanan negara tetapi penjana ekonomi khususnya dalam kalangan penanam.

Keluasan penanaman padi ketika ini adalah 689,268 hektar (ha) dengan pengeluaran sebanyak 2.9 juta tan metrik, penghasilan beras (1.88 juta tan metrik) manakala purata pengeluaran hasil ialah 4.207 tan sehektar.

Dengan tahap sara diri (SSL) mencecah 72 peratus, Malaysia masih mengimport beras antara 700,000 hingga 900,000 tan metrik.

Justeru, masih banyak cabaran dalam industri padi dan beras tempatan antaranya kadar pengeluaran rendah, kadar kehilangan lepas tuai agak tinggi iaitu antara 10 hingga 30 peratus, serangan padi angin, masalah penyakit, bencana alam, perubahan cuaca yang tidak menentu dan kualiti benih padi sah yang rendah.

Setakat ini Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) antara agensi yang berjaya membangunkan pelbagai varieti yang kini berjumlah 50 varieti padi.

MARDI diberi mandat membangunkan teknologi biak baka tersebut sejak 1969 bagi memberi manfaat kepada penanam, sekali gus membolehkan mereka layak mendapat subsidi baja, racun dan harga.

Pada 1964 MARDI mula menghasilkan varieti pertama, Malinja manakala Kadaria 1, varieti terakhir setakat ini diisytiharkan tahun lalu.

Namun, teknologi tersebut tidak berhenti di situ sahaja memandangkan usaha menghasilkan varieti baharu padi sentiasa dijalankan.

Industri ini perlu terus menerima suntikan teknologi baharu bagi membolehkan varieti varieti berkualiti dapat dihasilkan supaya petani dapat menambah pengeluaran, sekali gus meningkatkan tahap SSL negara.

Selain MARDI, Agensi Nuklear Malaysia (Nuklear Malaysia) turut terlibat dalam teknologi biak baka padi, dengan tujuan yang sama iaitu membantu petani mendapatkan benih berkualiti bagi meningkatkan pengeluaran.

Penyelidik Kanan Bahagian Agroteknologi dan Biosains Nuklear Malaysia, Dr. Sobri Hussein berkata, projek ini diketuai oleh Dr. Abdul Rahim



PADI NMR 152 ditanam menggunakan transplanter di Sekinchan, Selangor.

Padi mutan NMR 152 tahan penyakit, hasil tinggi

Beras teknologi nuklear

INFO

CIRI CIRI NMR152

- » Tahan kemarau
- » Hasil tinggi
- » Rintang penyakit karah dan layu bakteria

Harun dengan kerjasama pelbagai agensi dan institut pengajian tinggi tempatan serta mendapat bantuan teknikal daripada Agensi Tenaga Atom Antrabangsa (IAEA) menerusi Projek Biak Baka Mutasi Aruhan Padi menggunakan teknologi nuklear.

Projek ini yang bermula pada 2004 dengan merawat benih padi MR 219 dengan sinaran gama pada



PADI mutan NMR 152 hasil teknologi aruhan sinaran gama.

kekuatan dos radiasi 300 Gy menggunakan kebuk gama di Agensi Nuklear Malaysia untuk mengaruh mutasi sehingga menghasilkan varieti NMR152.

Benih yang telah didedahkan dengan sinaran gama kemudiannya ditanam untuk menghasilkan populasi generasi pertama (M1) benih aruhan mutasi di plot kajian Jabatan Pertanian Sungai Burung Tanjung Karang.

"Pada generasi kedua kita buat pemilihan ciri-ciri yang dikehendaki seperti hasil tinggi, rintang penyakit, tahan kemarau dan juga tahan kepada perubahan iklim," ujarnya kepada *Utusan Malaysia*.

Kira-kira 500 warisan mutan yang berpotensi, disaring daripada makmal dan rumah hijau kemudiannya diulang



DR. SOBRI Hussein (kiri) dan Penolong Pegawai Sains Nuklear Malaysia Shuhaimi Shamsudin memasukkan benih padi MR 219 ke dalam bekas sebelum dilaruhkan dengan sinaran gama menggunakan mesin GammaCell.



Pada generasi kedua kita buat pemilihan ciri-ciri yang dikehendaki seperti hasil tinggi, rintang penyakit, tahan kemarau dan juga tahan kepada

rawat terhadap tekanan air minimum dan simulasi kemarau di petak sawah. Langkah seterusnya adalah selepas memperoleh warisan padi yang berpotensi, ia ditanam beberapa pusingan hayat sehingga generasi kelima untuk memastikan kestabilan variasi mutan padi baharu tersebut.

TINDAK BALAS

Beberapa varieti mutan padi yang tahan kepada kemarau atau tekanan air minimum kemudiannya dipilih dan ciri-ciri agronomi dan hasil yang penting seperti berat benih, bilangan anak pokok, saiz biji, tempoh berbunga dan matang padi akan diceraf.

Penilaian awal ke atas prestasi warisan mutan yang berpotensi dijalankan pada 2010. Hasilnya, dua padi mutan iaitu NMR 151 dan NMR 152 telah dipilih berdasarkan prestasi cemerlang dan hasil tuaian yang tinggi - serta adaptasi yang sangat memuaskan kepada perubahan cuaca dan penyakit.

Bagi mengesahkan warisan mutan ini rintang terhadap keadaan kemarau, maka ujian verifikasi dijalankan melalui kajian tindak balas fisiologi dan biokimia warisan mutan padi ini terhadap beberapa parameter.

NMR 152 juga boleh bertahan di kawasan yang sukar dan menghasilkan tuaian yang tinggi berbanding varieti lain.

Pada 2019, Kajian Penentuan Tempatan (LVT) di beberapa lokasi telah dijalankan di Changloon, Kedah, Tanjung Karang dan Sekinchan di Selangor. NMR152 secara konsisten mengeluarkan hasil padi secara purata lapan tan sehektar di semua kawasan.

Kos penanaman boleh dikurangkan antara lima hingga 10 peratus kerana penggunaan baja dan racun perosak yang kurang. Pada masa yang sama, hasil tuaian boleh meningkat di antara 20 hingga 50 peratus bergantung kepada kawasan tanaman dan amalan budaya petani.



PADI NMR 152 perlu didaftarkan sebagai benih padi sah sebelum boleh digunakan oleh petani.

Penghasilan varieti padi baru untuk negara

VARIETI padi baharu menggunakan teknologi nuklear ini akan terus dihasilkan untuk membantu petani meningkatkan pendapatan mereka. Agensi Nuklear Malaysia juga telah bekerjasama dengan industri bagi memastikan petani mendapat manfaat daripada teknologi yang dibangunkan.

Apa yang paling penting, varieti padi berhasil tinggi dikeluarkan, seterusnya membantu dalam meningkatkan tahap sara diri (SSL) negara yang kini masih berada di tahap 71 peratus.

Selepas varieti padi ini diberi kelulusan sebagai benih padi sah ia boleh digunakan oleh petani secara meluas selepas itu.

Projek tersebut

memperoleh pelbagai sumber dana sejak awal penyelidikan lagi termasuklah antaranya dana Tumpuan Penyelidikan Dalam Bidang Keutamaan (IRPA) e-Scifund untuk Pembangunan Beras Mutan Berpotensi daripada Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) dan Malaysia Sosial Innovation (MSI) serta daripada Agensi Tenaga Atom Antarabangsa (IAEA).

Projek ini juga mendapat kerjasama daripada pelbagai pihak antaranya Universiti Putra Malaysia (UPM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Jabatan Pertanian, MARDI, Lembaga Pertanian Muda (MADA) dan Kawasan Perabangan Pertanian Bersepadu (IADA).



KEJAYAAN menghasilkan beras menggunakan teknologi nuklear menunjukkan kaedah tersebut membantu golongan petani.

288 tan durian dieksport ketika PKP

GEORGE TOWN – Lebih 288 tan durian telah dieksport dari Pelabuhan Pulau Pinang di sini dalam tempoh enam bulan pertama tahun ini dengan nilai eksport lebih RM9.2 juta.

Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Berteraskan Pertanian, Pembangunan Luar Bandar dan Kesihatan negeri, Dr. Norlela Arifin berkata, durian berkenaan dieksport oleh empat syarikat bermula tempoh Februari hingga Julai.

"Ia melibatkan 228,865 kilogram durian yang dieksport dari Pelabuhan Pulau Pinang.

"Nilai eksport berkenaan adalah sebanyak RM9.2 juta merangkumi eksport ke China sebanyak 62.7 peratus dan Australia (37.3 peratus)," katanya di sini semalam.

Sementara itu, seorang pengusaha durian dari Bayan Lepas yang dikenali sebagai Tan berkata, jumlah durian yang dieksport syarikatnya pada tahun ini berkurangan berbanding tahun lalu.

"Dalam tempoh sama tahun ini, jumlah eksport menurun kerana permintaan dalam negara meningkat walaupun ketika Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dilaksanakan.

"Jika permintaan dalam negara tinggi, jumlah eksport durian menurun," jelasnya.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|-----------|-----------------|--------------|------------|
| 28/7/2020 | UTUSAN MALAYSIA | DALAM NEGERI | 42 |

Akuaponik tingkat hasil ikan

PADANG BESAR : Kaedah akuaponik atau konsep penanaman moden yang menggabungkan akuakultur dan hidroponik berupaya mengoptimumkan penternakan ikan serta penanaman sayuran secara serentak.

Menyedari kelebihan tersebut, Universiti Malaysia Perlis (Unimap) memperkenalkan konsep berkenaan di kawasan rumah pelindung hujan di Institut Agroteknologi Lestari (INSAT) Unimap di Sungai Chuchuh Padang Besar, di sini.

Apa yang menarik, projek yang dibangunkan INSAT melalui kendalian dua penyelidik dari universiti itu, Ahmad Nasir Che Rosli serta Nurul Afidah Umoruddin memilih ikan kelah dan *jade perch* selain pelbagai jenis tanaman sayuran bernilai tinggi.

Ahmad Nasir yang juga Pensyarah Fakulti Teknologi Kejuruteraan Unimap berkata, ikan kelah dan *jade perch* menjadi pilihan projek tersebut memandangkan spesis itu mendapat permintaan serta nilai pasaran tinggi.

Katanya, buat permulaan, mereka menyediakan 44 tangki dan tujuh tangki filter dengan setiap satu daripadanya mampu memuatkan sekitar 1,200 benih anak ikan itu.

"Ikan kelah sememangnya



AHMAD Nasir Che Rosli memasukkan benih anak ikan kelah ke dalam tangki di INSAT Unimap di Sungai Chuchuh Padang Besar, Perlis, baru-baru ini.

mendapat permintaan tinggi terutama dari negara luar seperti Singapura, Taiwan, Jepun dan China.

"Ketika ini, ikan kelah menjadi ikan sungai kedua termahal di Malaysia selepas ikan empurau kerana harganya boleh mencecah sehingga RM1,500 seekor," katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini baru-baru ini

Ahmad Nasir berkata, potensi tinggi ikan berkenaan me-

nyebabkannya menjadi buruan kaki pancing di beberapa sungai yang menjadi habitatnya terutama di Pahang, Perak, Terengganu, Sabah dan Sarawak.

Dalam pada itu, katanya, pihak universiti turut menggalakkan penglibatan pelajar daripada golongan berpendapatan rendah untuk terlibat sama dalam projek jangka panjang berkenaan.